

میرلان محرل الله امسد

هتاکربو الله الة محروم كيل علاملاسا

Timbalan-Timbalan Naib Canselor, Komandan ALK, para dekan, para profesor dan pensyarah, jurulatih, pelajar-pelajar, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Perkasa jati berilmu berbudi,  
Sebagai bekalan datang berdagang,  
Hajat bertekad mencurah bakti,  
Laksana hidupnya Panglima Awang,

Sebagai bekalan datang berdagang,  
Kami menjunjung cita nusa,  
Laksana hidupnya Panglima Awang,  
Melayar harapan nusa dan bangsa,

Kami menjunjung cita nusa,  
Laksana Alfateh pejuang bestari,  
Melayar harapan nusa dan bangsa,  
Pejuang negara gugur tak mati,

Laksana Alfateh pejuang bestari,  
Langkah pimpinan berbekal pengetahuan,  
Pejuang negara gugur tak mati,  
Berazam pertahan maruah kedaulatan,

Langkah pimpinan berbekal pengetahuan,  
Minda tak buta tak jasad semata,  
Berazam pertahan maruah kedaulatan,  
Supaya negara kekal merdeka,

Minda tak buta tak jasad semata,  
Laksana panglima pendeta ilmu,  
Supaya negara kekal merdeka,  
Padamu Allah ku pohon seru.

Alhamdulillah....

Segala puji-pujian hanyalah untuk Allah Subhanahu Wataala, Tuhan sekelian alam, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad Salalahu' Alaihi Wassalam.

Tuan-tuan dan puan-puan warga UPNM,  
Sebelum saya teruskan bicara, izinkan saya ucapkan kepada setiap ahli keluarga UPNM "Selamat menyambut tahun baharu 2014". Tinggalkan tahun 2013 yang banyak mencoretkan samaada titik hitam mahupun putih dalam diri dan organisasi kita. Ambil kenangan juga pengalaman manis dan pahit. Manakala pengalaman hitam, kekalutan, ketakutan serta semua tenaga negatif perlu kita buang danjadikan sempadan. Jangan biarkan tenaga negatif dan bayangan hitam menyekat kemaraan kecemerlangan diri dan universiti ini.

Antara perasan dan tidak, secara rasminya saya mulakan tugas kali kedua sebagai Naib Canselor di UPNM pada 5 Julai 2013, iaitu bulan 7. Mengambil kira kepada pelantikan saya bertarikh 15 jun 2013 hingga kini sudah tujuh bulan saya bersama upnm. Sejak diwartakan oleh kerajaan sejak 2006, UPNM sedang melalui tahun ketujuh hari ini 7 Januari, angka 7 amat sinonim secara kebetulan.

Sejarah Nabi Yusof sepetimana disebut dalam surah ke 12 surah Yusuf ayat 47-49:

*Yusuf menjawab: "hendaklah kamu menanam bersungguh-sungguh tujuh tahun berturut-turut, kemudian apa yang kamu tuai biarkanlah dia pada tangkai-tangkainya; kecuali sedikit dari bahagian yang kamu jadikan untuk makan. kemudian akan datang selepas tempoh itu, tujuh tahun kemarau yang besar, yang akan menghabiskan makanan yang kamu sediakan baginya; kecuali sedikit dari apa yang kamu simpan (untuk dijadikan benih). "kemudian akan datang pula sesudah itu tahun yang padanya orang ramai beroleh rahmat hujan, dan padanya mereka dapat memerah (hasil anggur, zaitun dan sebagainya)". [al-quran 12:47-49]*

Secara teknikal, UPNM telah melalui era 7 tahun pertama yang penuh getir, mencabar bersama rahmat, berkah dan kebaikan yang Allah SWT kurniakan. Bagaimana era 7 tahun mendatang UPNM? Adakah ianya akan terus bergelumang dengan pahit getir, duri ranjau yang tajam, susah payah dan halangan yang bakal menduga kita bersama. atau UPNM akan terus dirahmati dan diberkati dengan limpahan kurniaan dan kejayaan tahun

demi tahun. Siapakah yang menentukan kejayaan atau perkara sebaliknya jika tidak diri kita berasama.

Melalui 7 tahun sejarah putih hitam, pahit-manis, suka-duka dan jaya-gagal kita bersama mari kita mengambil ikhtibar dan langkah maju kehadapan untuk bersama-sama kembali kepada roh, semangat dan intipati kewujudan UPNM itu sebenarnya. Banyak realiti yang seharusnya kita akui dan terima. Memang kita ada banyak perbedaan, namun kita ada pilihan untuk mencipta kecemerlangan secara bersama. Walaupun kita ada banyak ketaksamaan, namun kita ada banyak ruang dan peluang untuk mencapai gemilang. Bersama-sama kita gunakan tahun pertama 2014 dalam era tujuh tahun mendatang untuk mencipta cemerlang dan mencapai gemilang.

Dalam kita mengejar kegemilangan jangan kita lupakan bahawa asas kewujudan UPNM adalah hasil buah fikiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia sewaktu beliau menerajui Kementerian Pertahanan Malaysia sebagai Menteri Pertahanan. Secara inklusif, UPNM adalah sebahagian daripada keluarga besar Kementerian Pendidikan Malaysia dan setaraf Intitusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) lain dalam negara tetapi ekslusif dalam tujahannya yang cukup unik dan *boutique* serta '*niche*' dalam bidang pertahanan dan keselamatan. Bukan sahaja UPNM ini eksklusif malah terus diberkati Allah SWT dengan kesihatan seluruh warga UPNM yang terus gah. Bak kata pepatah "kuat pohon kerana akar, kuat akar kerana tanah", warga UPNM sebenarnya sangat bersatu padu dan

hari ini kita masih mampu berkumpul bersama sebagai sebuah keluarga yang akrab, mampan dan berkualiti.

Khalayak sedar akan kesungguhan dan usaha keras tanpa mengenal penat oleh setiap dari kita dan juga sokongan dari legasi pemegang taruh sebelum ini telah berjaya melonjakkan UPNM sebagai sebuah institusi ternama. Kini, UPNM semakin menempa nama dan pengiktirafan pemegang taruh di peringkat nasional mahupun antarabangsa. Oleh yang demikian, setiap dari kita yang menyumbang dalam caranya tersendiri dalam membangunkan UPNM berhak mendapat pujian dan untuk itu izinkan saya ucapkan “Terima kasih yang tidak terhingga”.

Tuan-tuan dan puan-puan warga UPNM,

Meskipun kita mulai menempa nama, wujud persoalan “Bagaimana kita perlu kekal relevan?” dan paling penting lagi “Bagaimakah caranya kita percepatkan usaha pembangunan atau ‘the trajectory of growth’ dan ‘Capacity building’ universiti agar kita beranjak dari baik kepada lebih baik ‘*to move from good to great*’. Inilah persoalan yang perlu menjadi moto pendorong dalam usaha membawa universiti ke arah kecemerlangan, UPNM - dari baik kepada lebih baik atau ‘UPNM - From Good to Great’. Dengan erti kata lain ‘*It is good to be good but it is better to be great*’.

Secara asasnya dalam melahirkan ‘*Intellectual Leaders of Character*’ UPNM telah memiliki NDUM Strategic Plan (revised) 2012-2015 “Creating a Future of Excellence’ sebagai panduan menetapkan halatuju universiti dan kaedah terbaik melahirkan mahasiswa berkualiti namun begitu

beberapa nilai dan faktor penting boleh dibawa seiring dengan pelan strategik tersebut yang mana saya yakin mampu mempercepatkan proses '*UPNM - From Good to Great*'

Nilai-nilai dan faktor penting yang saya telah kenal pasti bagi mencapai hasrat ini merangkumi 14 perkara berimpak tinggi yang bakal merubah cara kerja dan kualiti UPNM dari akar hingga ke puncak. 14 perkara berimpak tinggi tersebut adalah seperti berikut;

1. Berpegang teguh kepada Visi UPNM
2. Penerimaan menyeluruh konsep 1 UPNM
3. Berpegang teguh kepada Nilai-nilai Organisasi
4. Dipacu oleh Kecemerlangan
5. Dipacu oleh Kepimpinan
6. Mengurangkan kebergantungan terhadap peruntukan kerajaan
7. Pembangunan fasiliti universiti dan budaya penyelenggaraan
8. Pembangunan Sukan
9. Menghasilkan graduan berkualiti dan boleh dipasarkan
10. Manghasilkan perkhidmatan dan produk yang mampu menjana pembangunan nasional
11. Penjenamaan
12. Pengantarabangsaan
13. Menghormati alam sekitar 'Going green at UPNM'
14. Bangga dengan organisasi dan bersedia melaksanakan misi

Kesemua nilai dan faktor yang saya nyatakan itu bukanlah sekadar personafikasi memperindah ucapan saya sebaliknya merupakan perkara-

perkara penting yang perlu ada pada organisasi dan diri kita warga UPNM sepetimana diamanahkan rakyat untuk mendidik dan melahirkan bakal pemimpin tentera dan negara masa hadapan.

## **Berpegang teguh kepada Visi UPNM**

Terkadang kita terlupa, tidak perasan, tidak ingat atau mungkin tidak nampak perkara asas yang menjadi pegangan di depan mata. Izinkan saya mengingatkan anda semula, bahawa Visi UPNM adalah “Menjadi Universiti Pertahanan primier di rantau ini untuk pendidikan, latihan dan penciptaan ilmu”. UPNM adalah sebuah universiti unik dan ‘niche’ sepetimana termaktub dalam Warta Kerajaan P.U. (A) 400. bertarikh 9 November 2006. Seksyen 2. (1) perlombagaan tersebut menyatakan bahawa “Maka hendaklah ditubuhkan suatu institusi pengajian tinggi yang mempunyai Universiti, sebagai suatu pertubuhan perbadanan, bagi maksud mengadakan, memajukan dan mengembangkan pengajian tinggi dalam bidang pertahanan dan ketenteraan, ekonomi pertahanan, komunikasi ketenteraan, kejuruteraan elektrik, kejuruteraan mekanikal, sains nautika, dan teknologi maritim, sains penerangan, sains komputer dan teknologi maklumat pertahanan, bioteknologi pertahanan dan sains persenjataan, pengajian keselamatan, penyelesaian konflik, pengajian strategik, kepimpinan ketenteraan, dan bidang pengajian lain yang perlu, serta juga mengadakan penyelidikan dan pengumpulan dan pemajuan pengetahuan, dan penyebaran pengetahuan dalam bidang pengajian itu.”

Visi organisasi ini perlu diterima dan dipersetujui oleh semua warga sebagai asas pendorong seterusnya diasimilasikan matlamat dan panduan dalam menjayakan pembangunan universiti ini. Percayalah bahawa visi ini telah dibina sebaiknya dengan mengambil kira kepentingan strategik universiti dan peranan yang bakal dimainkan dalam usaha memajukan pendidikan pertahanan sekaligus membawa kepada pemodenan Angkatan Tentera Malaysia. Kepercayaan dan keyakinan terhadap penetapan visi ini mampu meningkat kecintaan terhadap organisasi. Puitisnya ‘Tak kenal maka tak cinta’, hayati dan fahami sebaiknya visi ini dan saya yakin semangat bekerja demi pembangunan dan kecemerlangan UPNM semakin meningkat malah anda bakal sanggup berkorban deminya.

Jelas terang lagi bersuluh bahawa penubuhan universiti ini adalah sebagai sebuah institusi dengan fokus dalam ketenteraan dan keselamatan, sekaligus menjawab eksklusif dan inklusif persoalan asas kenapa UPNM diwujudkan.

## **Penerimaan menyeluruh konsep 1 UPNM**

Dalam keghairahan membangunkan universiti ini masih perlu diingat bahawa UPNM adalah sebuah organisasi yang mana di dalamnya terdiri pelbagai lapisan individu dari pelbagai latar belakang yang kesemuanya menyumbang tenaga membantu UPNM mencapai matlamat kejayaan. Namun begitu, masih ada segelintir dari kita yang masih lagi belum menghayati perkara ini bersikap membeza-bezakan bahawa peranannya lebih penting berbanding individu lain. Jelas sekali tanggapan negatif ini perlu disingkirkan supaya kesinambungan kejayaan organisasi ini terus

kekal utuh. Setiap warga UPNM perlu menerima fahaman universal penubuhan UPNM bahawa organisasi ini hanya memiliki 1 Visi dan 1 Budaya, meskipun anda ahli akademik, pentadbir awam dan kakitangan tentera, kita perlu ingat bahawa semuanya bekerja dengan memahami konsep 1 Visi, 1 Budaya dan menerima kepelbagaian latar individu. Atas kapasiti inilah konsep 1 UPNM dibangunkan sebelum ini. Penerimaan secara menyeluruh atau ‘totality’ perlu ada dalam menghayati dan mengamalkan 1UPNM agar konsep ini mampu menyentuh segenap aspek pekerjaan dan menyentuh semua jiwa di dalam universiti ini. Kegagalan kita membawa konsep 1 UPNM secara menyeluruh bakal menggugat kesinambungan dan kejayaan UPNM, bak kata orang-orang lama,

kelapa nan sebatang,  
buah nan berkoyan,  
berduyun naiknya orang,  
tak juga kesampaian.

## **Berpegang teguh kepada Nilai-nilai Organisasi**

Aprisiasi nilai organisasi banyak memainkan peranan dalam merubah tanggapan, kualiti produk dan nilai pasaran produk. UPNM semenjak penubuhan memiliki nilai organisasi yang mempunyai aura kepimpinan, ketelusan dan keberanian. "KEWAJIPAN, MARUAH, INTEGRITI" nilai keramat atau moto UPNM yang sebenarnya cukup mudah diingati malah memberi kesan cukup mendalam apabila dihayati sebaiknya. Nilai-nilai ini perlu disemai menjadi suatu cara hidup dan pegangan dalam membina kecemerlangan universiti. Kita perlu berpegang teguh kepada nilai-nilai ini. Kegagalan kita mendominasi dan memahami sebaiknya moto

"KEWAJIPAN, MARUAH, INTEGRITI" mampu mendatangkan mudarat juga ketidakseimbangan perjalanan menuju ke arah kecemerlangan. Hanya melalui aprisiasi nilai organisasi yang unggul dapat menghamparkan halatuju secara holistik dan membawa organisasi ke arah masa depan gemilang iaitu 'UPNM - *from good to great*'.

Suka saya meminjam kata-kata Naib Canselor University of Cambridge dalam satu ucapannya, "...need to ensure that growth and change are informed at every step by our values, our principles, and by the spirit and ambition...." Berdasarkan penyataan ini, untuk kita bersaing sesama universiti tidak banyak berbeza namun begitu untuk kekal kompetitif, warga organisasi perlu berpegang pada nilai dan prinsip. Pelaksanaan sesuatu tugasan perlu dilakukan dengan penuh semangat dan minat. Setiap dasar dan keputusan perlu dikongsikan dengan semua warga supaya dasar dapat dilaksanakan dengan cermat.

## Dipacu oleh Kecemerlangan

Pegangan kukuh terhadap nilai dan batu asas penubuhan universiti ini mampu mengorak UPNM untuk terus kekal kompetitif, begitu juga amalan prinsip kecemerlangan dan pengisiannya yang disebatikan dalam pekerjaan harian. Konsep kecemerlangan ini sangat penting dan perlu diterapkan dalam sistem universiti. Sebagai sebuah universiti yang '*niche*' dalam bidang pertahanan dan keselamatan, konsep kecemerlangan perlu diterapkan dalam aspek pengajaran dan pembelajaran, Penyelidikan dan Inovasi (R&I), pengurusan sumber terhad, governance dan standard etika tinggi.

Suka untuk saya sentuh aspek kecemerlangan dalam governance. Dalam hal ini, governance merangkumi aspek iaitu kompitensi, akauntability dan ketelusan atau dalam kata lain ‘Competency, Accountability and Transparency (CAT)’ serta penggunaan kuasa yang adil. Setiap warga UPNM menyumbang kepada kecemerlangan universiti dengan cara yang berbeza dan pelbagai demikian memungkinkan amalan governance yang dinamik serta berasaskan perundangan.

## **Dipacu oleh Kepimpinan**

Kepemimpinan adalah kemampuan seni mempengaruhi tingkah laku manusia dan kemampuan untuk membimbing beberapa orang untuk menyusun dan mengarahkan dengan maksud dan tujuan tertentu. Kepimpinan jugalah yang membezakan UPNM dengan IPTA lain. Sebagai contoh paling mudah, organisasi UPNM sendiri memperkenalkan struktur kepimpinan yang mampu dijadikan model dalam menjana hubungan tentera dengan awam. Meskipun Naib Canselor terdiri dari kalangan Pegawai Tentera namun kepimpinannya masih dibantu oleh Timbalan Naib Canselor yang rata-ratanya adalah ahli akademik yang terbukti kesarjanaannya. Gabungan tentera dan awam ini adalah gabungan terbaik pemikiran secara kolektif dan corak kepimpinan hibrid. Sudah juga dibuktikan selama lebih tujuh (7) tahun bahawa corak kepimpinan ini berjaya membawa UPNM lebih cemerlang dan harmoni kerana halatuju universiti ini bukan halatuju yang ditentukan berseorangan. Ia adalah halatuju bersama yang dibangunkan dengan semangat setiakawan, kegigihan dan kewibawaan tanpa meminggirkan tradisi universiti.

Di UPNM jalinan kerjasama ini berasaskan gabungan bidang kepakaran iaitu kepakaran akademik digabungkan dengan kepakaran ketenteraan yang lantas menghasilkan produk hibrid berkualiti untuk keperluan negara. Tidak ada istilah berat sebelah mahupun bias dalam peranan melahirkan bakal pegawai tentera sebaliknya biarlah produk itu sendiri yang bercakap mengenai kekuatannya.

Tidak semata-mata aspek kesatuan idea melahirkan produk terbaik yang menjadi penekanan di UPNM malah di peringkat akademik dan pentadbiran semuanya saling menghormati kepakaran masing-masing dan saling menyedari bahawa kerjasama diantara keduanya membawa lebih banyak manfaat kepada organisasi. Program Induksi Ketenteraan Kakitangan Awam UPNM yang dijalankan dari masa ke semasa adalah contoh dalam memperkenalkan konsep kepimpinan dalam persekitaran harian UPNM.

## **Mengurangkan kebergantungan terhadap peruntukan kerajaan**

Institusi Pengajian Tinggi pada dasarnya mempunyai kemampuan untuk menjana pendapatan sendiri kerana institusi didukung oleh kelompok cendekiawan yang mampu merumus kaedah sesuai dalam menghasilkan pendapatan sendiri. Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) menyarankan agar IPTA perlu meneroka kaedah pembiayaan alternatif yang lebih luas tanpa mengabaikan tanggungjawab kepada akses dan ekuiti dengan mengenal pasti dan mempelbagaikan saluran sumber kewangan tambahan seperti alumni dan endowment. Usaha ini adalah

bagi memastikan menjelang tahun 2020, IPTA dapat menjana sekurang-kurangnya 30 peratus perbelanjaan mengurus. Ini sedikit sebanyak dapat mengurangkan kebergantungan kepada peruntukan kerajaan pada masa akan datang.

Berdasarkan kepada data dalaman defisit kebergantungan dana kerajaan, pada tahun 2012 UPNM berjaya menjana pendapatan dalaman sebanyak 12 peratus berbanding kos operasi sebanyak RM 71 juta. Pendapatan dalaman ini terdiri daripada yuran pengajian, hasil-hasil pelaburan dan pendapatan-pendapatan lain. Sasaran juga telah ditetapkan untuk UPNM menjana pendapatan sebanyak 25 peratus daripada kos operasi yang dianggarkan sebanyak RM 107 juta menjelang tahun 2020 yang mana pendapatan terdiri daripada pendapatan dalaman, anak syarikat UPNM dan Endowment .

Sebagai langkah menyambut usaha mengurangkan kebergantungan dana kerajaan, UPNM dalam inisiatif ini melihat penubuhan UPNM Business Development Centre sebagai paling relevan. Model operasi yang digunakan dalam menjayakan business centre ini adalah menerusi kolaborasi dengan pihak luar dengan jalinan kerjasama melaui Memorandum Persefahaman dan Perjanjian. Hasil penyelidikan dan inovasi bidang pertahanan dan keselamatan dilihat sebagai penyumbang utama pendapatan universiti dimana produk-produk hasil penyelidikan boleh dibangunkan, dipaten dan dikomersialkan. Manakala pendapatan lain akan turut datang dari perkhidmatan rundingan, konsultasi, program-program akademik khusus serta pembangunan profesional. Pendapatan dari produk

dan perkhidmatan ini akan mendatangkan pendapatan bukan yang boleh dikatakan lumayan tetapi mampu menampung kesinambungan pengurusan universiti ini.

Saya yakin masih banyak ruang dan peluang untuk menambah baik model pendapatan universiti ini justeru saya menyeru kepada warga UPNM untuk menjana idea lebih kreatif dan merencana perkongsian strategik yang lebih menguntungkan universiti pada masa akan datang.

## **Pembangunan Fasiliti**

Bermula tahun 2006 hingga hari ini jutaan ringgit telah dibelanjakan secara bersama oleh Kementerian Pertahanan Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi (Kementerian Pengajian Tinggi kini digabungkan semula dengan Kementerian Pendidikan Malaysia). Diantaranya adalah Bangunan Lestari, Bangunan Fakulti Perubatan dan Kesihatan Pertahanan, Bangunan Perpustakaan Jeneral Tun Ibrahim dan Pusat Teknologi Maklumat, Makmal Marin dan Pusat Marin manakala sedang dalam pembangunan adalah Balapan dan Lapang Sasar Tertutup 10 meter Air Rifle dan Air Pistol.

Dalam hal ini UPNM menetapkan agenda pembangunan fasiliti kritikal adalah meliputi kemudahan penginapan dan bangunan fakulti. Pada tahun 2011, Kemudahan penginapan mahasiswa telah ditambah baik dengan selesainya pembinaan Bangunan Seribu yang dapat menempatkan hampir 1000 mahasiswa. Sebagai makluman juga, UPNM kini menampung sejumlah 3000 mahasiswa dalam kampus. Kesemua mahasiswa UPNM

diberikan penempatan dalam kampus sepanjang pengajian demi menjaga Kebajikan, kualiti dan keselamatan mereka.

Penyempurnaan projek Bangunan Lestari pada tahun 2012 memberi nafas lega buat fakulti-fakulti yang berhadapan dengan masalah ruang yang kondusif dan menyediakan persekitaran yang lebih baik untuk mahasiswa. Bangunan-bangunan sedia ada juga telah dipertingkatkan kemudahan, keupayaan dan wajahnya.

Kita juga sedang berusaha dalam mendapatkan dana bagi membina dan meningkatkan fasilitas kejuruteraan dan penyelidikan untuk menyokong aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta penyelidikan dan inovasi. Pada masa yang sama fasilitas dan kemudahan sedang dibangunkan di kem kongkoi bagi membolehkan program-program diadakan bukan sahaja untuk kegunaan staf dan pelajar UPNM malah bagi maksud pengkormesialan kursus-kursus kepimpinan untuk pihak luar. Namun begitu, perkara paling penting dari berhubung perkara ini adalah penggunaan fasiliti secara maximum atau '*Maximum utilisation of facilities*', gunakan sebaik mungkin ruang yang ada dengan lebih kreatif dan elakkan pembaziran.

Meskipun kita dalam pelbagai cara berusaha membangunkan fasiliti universiti tetapi dalam masa yang sama UPNM masih lagi menghadapi masalah kekurangan peralatan baik dari peralatan pejabat, dewan kuliah dan kemudahan peralatan lain. Merumitkan lagi keadaan ialah keadaan dimana didapati terdapat barang dan peralatan yang dikenal pasti rosak,

hilang, dicuri dan sebagainya. Apa yang berlaku ini adalah satu “Kerugian Besar” buat universiti.

Seperlunya kita membudayakan budaya penyelenggaraan dan menggunakan kemudahan dan kelengkapan universiti secara lebih baik dan cermat. Memang benar memastikan kesempurnaan fasiliti adalah peranan Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan. Walaubagaimanapun kita juga bertanggungjawab meneliti dan memastikan segala kemudahan fasiliti yang ada berfungsi dan digunakan dengan cermat. Kita perlu bekerjasama memastikan segalanya dalam keadaan sedia dan boleh guna. Tolong tanamkan dalam diri anda bahawa apa yang disediakan ini adalah asalnya dari amanah rakyat dan pembayar cukai. Kita diamanahkan menjaga dan menggunakan peralatan ini sebaiknya. Budaya penyelanggaraan perlu ada dalam diri seperti sifat anda menyayangi harta sendiri.

Seandainya kita gagal membudayakan budaya penyelenggaraan dalam pekerjaan harian, itu sudah cukup menggambarkan bahawa warga UPNM adalah komuniti berpendidikan tetapi memiliki moral dan minda kelas ketiga.

## Pembangunan Sukan

Meskipun UPNM memberi fokus terhadap aspek ketenteraan dan akademik mahasiswa namun pembangunan sukan bukanlah sesuatu yang

boleh dipinggirkan. Adalah wajib bagi setiap mahasiswa memilih satu sukan sebagai pilihan kokurikulum. Tetapi, persoalan lain yang timbul adalah; bagaimana pula dengan staf universiti? Adakah kita suka bersukan?. Kita berperanan melahirkan '*Leaders of Character*', seharusnya kita sendiri menetapkan diri pada suatu standard yang lebih tinggi dan mampu dijadikan contoh. Sebaik mungkin kita jadikan budaya sukan sebahagian budaya hidup justeru sebagai menyambut semangat cintakan sukan dan gaya hidup sihat saya menyarankan usaha 1 sukan 1 warga diperkenalkan. Saya juga ingin menghidupkan semangat sukan dengan lebih meriah dengan menetapkan hari Jumaat pada setiap minggu bermula jam 3 petang sebagai waktu riadah warga UPNM. Kita memiliki pelbagai kemudahan sukan dan jurulatih yang berpengalaman justeru gunakan peluang yang ada ini untuk bersukan baik bersama rakan mahupun keluarga anda.

Sebenarnya, aspek pembudayaan sukan dan pembangunan sukan ini dilihat penting oleh UPNM kerana kualiti sukan negara perlu ditambah baik dan universiti merupakan platform terbaik dalam memacu kemajuan sukan negara. Subjek sains sukan diasimilasikan dengan aktiviti sukan secara aktif bagi melahirkan mahasiswa dan Pegawai Muda yang bukan sahaja memiliki keperibadian cemerlang malah memiliki kualiti atlet setaraf profesional.

Dalam konteks ini, UPNM sebenarnya telahpun memiliki atlet setaraf antarabangsa. Pasukan Hoki UPNM yang mewakili Malaysia ke Vietnam International Hockey Sixes 2012 berjaya memenangi tangga ketiga

daripada penyertaan buah 10 negara. Pada Kejohanan Ragbi Jonah Jones 7 Side (Invitational), UPNM merangkul Naib Johan dan kejohanan bertaraf antarabangsa ini hanya menjemput pasukan terbaik sahaja. Begitu juga Pasukan Pencak Silat UPNM yang sering memenangi Pingat Emas baik di pertandingan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) mahupun Kejohanan Pencak Silat terbuka seluruh Malaysia. Secara individu juga UPNM mempunyai atlet mewakili Malaysia ke acara Sukan Lasak Triathlon.

Saya juga mengharapkan pelan pembangunan sukan jangka pendek dan jangka panjang yang lebih komprehensif dapat dibangunkan agar kecemerlangan sukan UPNM mampu terus mencipta nama di persada sukan bukan sahaja di peringkat universiti bahkan di peringkat negara dan antrabangsa. Jadikan juga budaya sukan sebagai amalan wajib dalam menjaga kesihatan. saya yakin, selepas ini warga UPNM baik mahasiswa dan staf akan menggunakan sepenuhnya kemudahan sukan yang ada dalam kampus dan membudayakan “Jam 5 waktu bersukan, bukannya balik melayan lena”.

## **Menghasilkan graduan berkualiti dan boleh dipasarkan**

Kadar kebolehpasaran graduan UPNM cukup membanggakan. Hampir 100 peratus graduan UPNM kini telah bekerja selepas enam (6) bulan tamat pengajian. Baik untuk sektor awam mahupun swasta, mahasiswa kelahiran UPNM sudah diintai potensinya bermula dari latihan industri lagi. Majikan-majikan cukup yakin dengan kemampuan produk UPNM kerana cukup

disiplin, berkepimpinan, beretika serta merupakan ‘intellectual leaders of character’ yang telah ditanam dengan nilai Kewajipan, Maruah dan Integriti.

Perlu ditegaskan bahawa, semua bakal Pegawai Muda ATM adalah disediakan untuk ‘Profession of Arms’ dengan kerjasama ATM. Kini, ATM tidak lagi menjalankan aktiviti melatih dan mengeluarkan Pegawai Muda daripada institusi latihan masing-masing seperti Kolej Tentera Darat dan Kolej Tentera Laut KDSI dan Kolej Tentera Udara (kecuali juruterbang). Kolej-kolej ini hanya memberi latihan selama enam (6) bulan apabila bakal Pegawai Muda ini menamatkan pengajian akademik mereka. Ini bermakna, peranan itu kini diamanahkan sepenuhnya kepada UPNM. Justeru, bukanlah menjadi satu persoalan betapa relevannya UPNM kini sebagai penyedia utama bakal Pegawai Muda ke arah memenuhi keperluan tenaga kerja ATM. Di UPNM, Akademi Latihan Ketenteraan (ALK) menerusi Komandan dan jurulatih memegang peranan dalam membangunkan ‘Profession of Arms’ dimana ALK menjadi sebahagian daripada organisasi universiti sekaligus menjadikan UPNM sebuah institusi yang mengintegrasikan *domain* akademik, ketenteraan dan pembangunan kepimpinan atau dalam perkataan lain *‘Academic, military and leadership all rolled into one’*.

Bakal-bakal Pegawai Muda ini perlu memahami sedalam-dalamnya budaya ketenteraan dan rejimental kerana budaya ketenteraan bukanlah budaya menurut perintah sebaliknya amat luhur. *Ethos* ketenteraan seperti beretika, keberanian, berfikir secara strategik, kegigihan, disiplin yang tinggi, ketepatan masa, saling hormat-menghormati, sentiasa bersiap-sedia, bekerjasama dalam melaksanakan tanggungjawab, tepat dalam

membuat keputusan dan setia adalah nilai-nilai yang sangat penting dan menjadi prasyarat untuk membentuk peribadi unggul .

## **Manghasilkan perkhidmatan dan produk yang mampu menjana pembangunan nasional**

Sesebuah universiti mempunyai peranan dalam menghasilkan produk dan perkhidmatan berdasarkan aktiviti Research, Innovation and Commercialisation (R&I&C) yang secara langsung dan tidak langsung yang meyumbang kepada produktiviti negara. Kita di UPNM sangat bertuah kerana memiliki pensyarah dan penyelidik awam dan tentera. Kombinasi ilmu dan pengalaman seharusnya digabungkan untuk menghasilkan produk dan perkhidmatan yang menjurus kepada bidang pertahanan dan keselamatan selaras dengan penubuhan universiti selain memenuhi kehendak *stakeholder*. Ini dapat menyumbang kepada pembangunan dan pemodenan industri pertahanan secara khusus dan negara secara amnya.

Kalam konteks UPNM, universiti seharusnya memberi fokus penyelidikan dan penekanan bukan sahaja kepada *Fundamental Research* malahan juga kepada *Applied Research*. Kita memiliki ilmu asas, justeru adalah perlu untuk kita mengaplikasikan ilmu tersebut dalam penyelidikan yang lebih inovatif dan memiliki nilai komersial. Sekarang ini, *stakeholder* utama universiti iaitu Kementerian Pertahanan Malaysia dan Kementerian Pendidikan Malaysia khususnya memberi lebih penekanan kepada penyelidikan yang mampu memberi nilai tambah dan komersial kepada pemodenan dan industri pertahanan negara selain mampu menyumbang kepada pembangunan dan pemodenan negara khususnya.

Penekanan terhadap *Applied Research* atau Penyelidikan Gunaan ini diperkuat dengan kenyataan Menerusi laporan ekonomi 2013/2014, Kementerian Kewangan Malaysia yang menyatakan bahawa Universiti perlu menjalankan penyelidikan gunaan untuk menangani dan menghadapi cabaran yang dihadapi oleh pelbagai industri, serta menyediakan sumber produk baharu atau berteknologi untuk masyarakat yang boleh menjadi saluran baharu sektor swasta menjana kekayaan. Universiti mesti bekerjasama dengan sektor swasta untuk mengkomersialkan ip. malaysia harus mengubah secara radikal pengurusan R&D gunaan. R&D gunaan perlu bermula dengan mengenal pasti cabaran dan peluang yang dihadapi oleh pengamal industri serta kerjasama dari pakar yang berpandangan jauh dalam bidang sains dan teknologi di pusat kecemerlangan di universiti

Hasil penyelidikan yang diperoleh tidak sewajarnya memberi impak atau kelebihan kepada kepentingan penyelidik semata-mata. Situasi para penyelidik melakukan penyelidikan untuk tujuan merit bagi kenaikan pangkat semata-mata tidak patut berlaku. Ini kerana penyelidikan yang menggunakan dana yang besar sewajarnya dikongsi bersama oleh pihak lain dan ia boleh dilakukan melalui pengkomersialan.

## **Penjenamaan**

Dalam satu penerangan yang mudah, Penjenamaan merupakan satu proses strategik ke arah pembinaan imej dan kredibiliti sesebuah organisasi untuk menyuntik semangat kesetiaan dalam diri pelanggan luaran dan dalaman sesebuah organisasi. Pada dasarnya, memiliki jenama bukan untuk mendapatkan keuntungan semata-mata. Ini kerana, kecemerlangan proses penjenamaan tersebut dapat diterjemahkan kepada

kejayaan yang lebih bernilai sama ada aspek keuntungan dari segi sosial, kebijakan serta daya tahan sesuatu produk atau perkhidmatan dalam satu jangka masa panjang.

Dalam konteks UPNM, proses penjenamaan dapat menyuntik satu semangat dan perubahan terhadap keseluruhan struktur, sistem dan semangat warga UPNM ke arah penterjemahan mutu penyampaian yang unggul, kualiti bertaraf dunia, berdaya saing dan tumpuan terhadap kecekapan serta keberkesanan dalam menguruskan sumber asas ke arah pelaksanaan agenda pembangunan serta mempertingkatkan mutu penyampaian dari semasa ke semasa. Secara umumnya, penjenamaan ini memberikan kesan yang signifikan kepada ‘stakeholder’.

Oleh itu, adalah penting bagi warga UPNM menyedari tentang kepentingan membina keyakinan dan mengubah persepsi masyarakat terhadap mutu perkhidmatan yang disampaikan. Stakeholder perlu diyakinkan dengan kemampuan dan keupayaan universiti ini memberikan perkhidmatan dan menghasilkan produk terbaik.

Pemilikan jenama yang kukuh adalah penting untuk menarik minat lebih ramai bakal pelajar dan golongan yang berkaliber untuk berkhidmat di universiti ini. Pemilikan sumber tenaga yang berkualiti, progresif, kreatif, produktif, berdaya saing secara tidak langsung akan mengangkat prestasi UPNM ke tahap yang lebih tinggi dan unggul.

## **Pengantarabangsaan**

Pengantarabangsaan merupakan Teras Kelima Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara, bertujuan untuk memartabatkan IPTA menjadi setaraf institusi pengajian tinggi antarabangsa. Teras ini menyasarkan Malaysia sebagai hab kecemerlangan pengajian tinggi antarabangsa menjelang tahun 2020. Program-program pengantarabangsaan merangkumi pertukaran tenaga akademik, pelajar, program pengajian, penyelidikan bersama dan kolaborasi antarabangsa. Aktiviti pengantarabangsaan merupakan pemangkin untuk memperkayakan interaksi, pengalaman dan pendedahan pelajar IPT tempatan di arena global.

Selaras dengan ini UPNM perlu meneruskan usaha mempergiatkan pengantarabangsaan samaada melalui perkongsian strategik seperti hubungan UPNM dengan Warwick University, Cranfield University, ISAE, Perancis dan sebagainya atau dengan menarik lebih ramai pelajar antarabangsa seperti dua pelajar daripada negara Brunei yang sedang menjalankan pengajian perubatan di UPNM.

Dalam pada itu, kita juga menerima pensyarah daripada negara luar seperti Bangladesh, India, Ukraine, Mynmar, Perancis dan China. Kepelbagaiannya latar pensyarah yang datang dari serata pelusuk dunia adalah sejajar dengan hasrat pengantarabangsaan. Pengantarabangsaan perlu terus menjadi agenda kritikal dalam pembangunan kapasiti universiti.

## **Menghormati alam sekitar ‘*Going Green at UPNM*’.**

Bumi ini adalah ciptaan Tuhan, Ciptaan Allah S.W.T dan dianugerahkan pula kepada umat manusia selaku khalifah untuk memanfaatkan,

melindungi dan memelihara kesejahteraan bumi. Meskipun bumi sudah tua, namun menjadi tanggungjawab kita untuk memelihara bumi ini dan alam sekitarnya dari terus rosak. Fahamilah bahawa, memelihara dan memulihara bumi serta alam sekitar adalah untuk kesinambungan kehidupan hari ini dan akan datang, '*Its all about sustainability*'.

Samaada kita sedar atau tidak, UPNM sebenarnya kaya dengan kehijauan flora dan diversiti fauna. Begitu banyak unsur keindahan alam yang kita miliki. Meskipun kampus dan Kem Sg. Besi ini berada di tengah-tengah pusat pembangunan hutan batu, salah satu tempat menarik di UPNM ini adalah tasik di Pusat Marin yang sebenarnya menjadi persinggahan burung-burung hijrah (migratory birds) dari kawasan Australia dan New Zealand terbang menerusi timur dan timur barat asia menuju Rusia, Alaska, Barat China, Jepun dan Siberia. Saban tahun burung-burung ini terbang sejauh 25,000 km, mengelakkan cuaca sejuk di hemisfera selatan. Justeru, sebagai warga UPNM yang prihatin dan sayangkan kehijauan alam serta fauna, kita sepatutnya terus menjaganya dan menikmati anugerah alam ini sebaiknya.

Di UPNM, usaha memperindah, memelihara alam dan menghijau kampus terus berjalan. Hari ini saya bakal melancarkan kempen '***Going Green at UPNM***'. Program ini sebenarnya adalah sebuah kempen integrasi usaha untuk menghijaukan dan memelihara alam sekitar kampus. Menerusi kempen ini kita akan menggalakkan usaha menghijaukan kampus, perlindungan flora dan fauna, pengurusan tenaga dan air lebih efisyen (prudent management), pengurusan pelupusan sisa menggunakan

teknologi hijau serta penyelidikan dan pembangunan (R&D) berasaskan tenaga semulajadi (renewable energy).

Usaha menjana kesejahteraan alam sekitar di UPNM ini semakin ketara apabila beberapa perjanjian persefahaman dengan industri berjaya ditandatangani. Diantaranya adalah penggunaan teknologi penapisan hijau yang mampu untuk membersih atau menulen air (purify) air tasik di Pusat Marin UPNM, penggunaan tenaga solar atau tenaga semulajadi pada jaket keselamatan juga sedang dalam kajian dan percubaan dimana penemuan baharu ini bakal membantu anggota keselamatan memperoleh bekalan tenaga tanpa perlu bergantung sebahagiannya kepada bekalan tenaga konvensional. Pengurusan dan pelupusan sisa di UPNM juga bakal menggunakan teknologi hijau dimana bahan atau sisa makanan dilupuskan tanpa mendatangkan kerosakan pada alam.

Meskipun begitu menerusi kempen ini saya menyeru agar warga UPNM mengurangkan penggunaan bag plastik, kertas, pembuangan tidak terurus, penjimatan tenaga elektrik dan penggunaan air yang lebih efisyen. Ini adalah usaha-usaha asas yang saya yakin mampu dilakukan oleh seluruh warga UPNM selaras dengan kempen '**Going Green at UPNM**'. .

## **Bangga dengan organisasi dan bersedia melaksanakan misi**

UPNM adalah satu lapangan himpunan cendekiawan yang besar. Disini juga wujud kepelbagaian kerjaya dan status yang menjadi diversiti universiti. Kita sepatutnya berbangga menjadi sebahagian dari keluarga besar UPNM. Disini berhimpun warga tentera yang mahir hal ketenteraan dan kepimpinan, warga akademik yang cerdik pandai dan pakar dalam

bidang ilmiah serta kumpulan pentadbiran yang cukup dinamik menguruskan sumber universiti. Pelbagai ilmu mampu diperolehi di sini namun begitu ianya bergantung kepada kesungguhan kita dalam menerima dan mempelajarinya.

Salah satu perkara lain yang menjadi penanda aras kesungguhan kita samaada dalam melaksanakan tugas dan menuntut ilmu adalah kesungguhan hati. Seharusnya kita bersatu di dalam satu saf bekerja dibawah satu kepimpinan disamping mencari “mardatillah”. Sehingga kini, tiada IPTA mahupun IPTS di Malaysia seunik dan seboutique UPNM.

Subhanallah. dalam hubungan ini, kehidupan dunia dan akhirat bagaikan mata rantai yang tak terpisah. Kehidupan dunia harus dinikmati sebagai rahmat Allah dan dijadikan persiapan untuk bersama-sama menuju kehidupan yang hakiki yang penuh kebahagiaan.

Sabda Rasulullah SAW;

*“Bekerjalah untuk duniamu seakan-akan kamu akan hidup selamnya dan bekerjalah untuk akhiratmu seakan akan kamu akan mati esok.”*

Sebagai seorang pemimpin yang diamanahkan saya pastinya akan ditanya oleh Allah tentang amanah yang diberikan kepada saya untuk mentadbir, membetulkan seterusnya menegur lagi saya mampu kepada mereka-mereka dibawah kepimpinan saya yakni tuan-tuan dan puan sekalian. Saya ingin mengajak warga UPNM untuk memegang teguh kewajipan

kepada Allah SWT dengan mengamalkan segala suruhan dan menjauhkan segala larangannya disamping kita seharian berada di universiti ini mencari nafkah untuk kelangsungan hidup. Jauhilah sifat dan sikap yang dimurkai Allah SWT.

UPNM akan sentiasa menjadi sebuah organisasi yang mengamalkan prinsip dan budaya organisasi penyanyang, dimana kepentingan setiap individu tidak kira pangkat atau status akan sentiasa dipelihara dan dibantu. Marilah kita sebagai ahli keluarga berganding bahu bersama-sama saya berhijrah dari baik kepada lebih baik selaras dengan tema '*UPNM - From Good to Great*'. Bersama-sama juga kita kongsikan hasrat perubahan ini. UPNM adalah milik kita bersama. Semoga yang maha esa memberikan kita semua kekuatan dan hidayah untuk mencapai hasrat murni ini.

Hantar anak belajar silat,  
Diajar mari Tan Sri Panglima,  
Masuknya kerdil keluarnya hebat ,  
UPNM jua ilmu diterima,

Diajar mari Tan Sri Panglima ,  
Ilmu sabung pertahan diri,  
UPNM jua ilmu diterima,  
Bertanam Kewajipan Maruah Integriti,

**Sambungan.... (Sebelah)**

Ilmu sabung pertahan diri,  
Ilmu agama penguat pedoman,  
Bertanam kewajipan maruah integriti,  
Nescaya membangun semarak cendekiawan,

Ilmu agama penguat pedoman,  
Dikukuh dengan ilmu komputer,  
Nescaya membangun semarak cendekiawan,  
Buat melahir ‘*Leaders of Character*,

Dikukuh dengan ilmu komputer,  
Lahir Panglima hebat bestari,  
Buat melahir ‘*Leaders of Character*,  
Leftenan Muda sebagai bukti.